

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 JULAI 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 35

Ekonomi negara dijangka meningkat tahun ini

Ekonomi negara dijangka meningkat tahun ini

PUTRAJAYA: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menjangkakan ekonomi negara terus meningkat pada tahun ini ekoran peningkatan permintaan dalam dan luar negeri.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pertumbuhan itu dipacu tindakan kerajaan membuka semula sempadan antarabangsa, pelaksanaan pakej bantuan dan kejayaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

Beliau berkata, impak pemulihan dapat dilihat daripada pemulihan dalam nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku pertama 2022 kepada 5.0 peratus berbanding pengurungan 0.5 peratus pada suku pertama 2021.

“Pada tempoh sama, pasaran buruh lebih kukuh dengan kadar penyertaan tenaga buruh turut naik 0.4 mata peratus kepada 69.0 peratus.

“Indeks Pelopor bagi April 2022 yang menunjukkan isyarat hal tuju ekonomi dalam masa pendek turut meramalkan prestasi ekonomi Malaysia akan mengekalkan arah aliran yang lebih baik.

“Isyarat itu positif meskipun Malaysia berdepan ekonomi yang tidak sekali berikutkan perbezaan kadar dan masa bagi negara-negara yang telah membuka semula aktiviti ekonomi,” katanya dalam sidang akhbar, semalam.

Dalam pada itu, Mohd. Uzir berkata, kesemua negeri termasuk dua Wilayah Persekutuan mencatatkan peningkatan dalam nilai KDNK per kapita pada 2021 berbanding 2020.